



# BULETIN KEJURUTERAAN

EDISI : 5 / 2011 / SEPTEMBER DAN OKTOBER

## KATA PENGANTAR

Assamualaikum dan salam sejahtera,

Ini adalah buletin edisi ke 5 untuk keluaran bulan September dan Oktober 2011. Dalam kalender Islam, bulan Syawal telah berlalu menandakan Hariraya Aidilfitri telah berakhir. Pada awal September yang lepas, pihak Fakulti telah menerima kedatangan pelajar baru seramai hampir 400 orang bagi sesi kemasukan 2011/2012. Tahniah diucapkan kepada pelajar baru yang berjaya meneruskan pengajian di Fakulti Kejuruteraan.

Sepanjang tempoh dua bulan ini juga menyaksikan pelbagai aktiviti menarik yang telah dijalankan. Antaranya adalah Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Dekan yang menyaksikan pelajar-pelajar terbaik mendapat pengiktirafan dari pihak Fakulti.

Dalam kalender Islam, bulan Zulkaedah tahun 1432 Hijrah yang berada dalam bulan Oktober adalah waktu umat Islam akan menunaikan ibadat haji, iaitu salah satu tuntutan wajib dalam Islam dan seterusnya menyambut Hari Raya Aidiladha pada bulan Zulhijjah. Justeru itu pihak Fakulti mengucapkan selamat pergi dan kembali dengan selamat kepada Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Prof.Dr Mohd Hamdi Abd Syukor dan beberapa orang staf fakulti yang akan mengerjakan ibadat haji pada tahun ini .Tidak dilupakan juga ucapan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua warga Fakulti yang beragama Hindu.

Sempena dengan pembentangan belanjawan 2012 baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan tiga berita baik untuk khalifat awam iaitu kenaikan umur persaraan kepada 60 tahun, kenaikan gaji dan pemberian bonus. Dengan insentif yang diberikan ini kita akan terus bekerja dengan bersemangat untuk mengekalkan prestasi cemerlang di tempat kerja.

Sekian.

## MINGGU HALUANSIWA FAKULTI KEJURUTERAAN SESI 2011/2012

Pada 5 – 8 September 2011 telah berlangsung minggu haluansiswa untuk pelajar baru ijazah pertama kemasukan sesi 2011/2012 di Fakulti Kejuruteraan. Fakulti telah menerima kemasukan pelajar baru bagi pelbagai program kejuruteraan seramai hampir 400 orang pelajar. Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada semua pelajar yang berjaya menempatkan diri di Fakulti Kejuruteraan.



Sepanjang minggu haluansiswa tersebut, pelbagai program diadakan serentak di peringkat universiti dan Fakulti. Antara program yang telah disusun oleh pihak Fakulti ialah sesi pengenalan bersama Pengurusan Fakulti. Ucaptama bagi majlis tersebut disampaikan oleh Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Prof Dr.Mohd Hamdi Abd Syukor. Turut memberi taklimat pada majlis tersebut ialah Timbalan Dekan Ijazah Dasar, Prof Madya Dr. Noor Azuan Abu Osman dan Timbalan Dekan Pembangunan, Prof Madya Ir Dr. Yau Yuat Huang dan turut hadir adalah ketua-ketua Jabatan dan tenaga kerja Pejabat Dekan.



Pelajar juga berkesempatan untuk bersuaikenal dengan Ketua Jabatan masing-masing melalui sesi bersama Jabatan serta pensyarah jabatan berkenaan. Antara lain juga telah diadakan taklimat oleh Pustakawan, Puan Adida Mohd Amin mengenai kemudahan perpustakaan dan Taklimat Keselamatan oleh Pegawai Sains, Encik Alias Abdullah.

Pelajar juga diberi pendedahan awal dengan kemudahan yang terdapat di makmal jabatan masing-masing. Tahniah diucapkan kepada pihak urusetia yang bertungkus lumer didalam menjayakan program ini. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelajar sesi kemasukan 2011/2012.

## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH SIJIL DEKAN SEMESTER 2 SESI 2010/2011

Pada 21 September 2011, satu Majlis Penyampaian Anugerah Sijil Dekan bagi semester 2,sesi 2010/2011 telah diadakan di Dewan Kuliah 6, Menara Kejuruteraan.

Pada majlis tersebut seramai 164 orang pelajar dari pelbagai program telah berjaya memperoleh gred PNG 3.7 ke atas. Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka yang berjaya. Pada semester ini terdapat peningkatan seramai 20 orang dari 144 pelajar daripada semester yang lepas.



Sijil Anugerah Dekan telah disampaikan oleh Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr Mohd Hamdi Abd Syukor dikuti oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanik,

Dr.Rahizar Ramli, Ketua Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Dr.Ahmad Khairi Abdul Wahab dan Ketua Jabatan Kejuruteraan Rekabentuk dan Pembuatan, Prof Ir.Dr. Ramesh Singh Kuldip Singh .

## MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN, JKKP, FAKULTI KEJURUTERAAN

Pada 3 – 7 Oktober 2011, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Fakulti Kejuruteraan telah mengadakan Program Minggu Keselamatan dan Kesihatan. Sepanjang program ini telah diadakan ceramah keselamatan, demonstrasi First Aid, pameran dan jualan peralatan keselamatan dengan kerjasama beberapa pihak pengajur seperti Mr. Mark Tools, Persatuan Bulan Sabit Merah, JKJP(Kementerian), Fisher Scientific dan Merck.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan berkaitan keselamatan dan kesihatan kepada staf dan pelajar melalui pendedahan berkaitan dengan sistem dan alat perlindungan keselamatan yang digunakan di sektor industri pekerjaan sebenar disamping menekankan kepentingan penggunaan alat keselamatan persendirian(PPE) semasa bekerja serta untuk menyemai cara atau budaya kerja yang selamat dan sihat di kalangan warga Fakulti.



Melalui program ini juga dapat dipelajari cara merancang dan melaksanakan sistem keselamatan yang teratur untuk mengelakkan kemalangan daripada berlaku.



Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan program ini dan diharapkan ianya akan dijadikan sebagai acara tahunan dimasa akan datang.



# *Aktiviti-aktiviti bulan September dan Oktober*



Bengkel Kaedah dan Peraturan Ijazah Tinggi,  
tarikh: 13 September 2011,  
tempat: Eastin Hotel , Petaling Jaya.

Jamuan Hari Raya Pejabat Dekan, tarikh: 21 September,  
tempat: Bilik Seminar 3, Menara Kejuruteraan.



Ceramah Keselamatan oleh Global Institute Safety Management,  
tarikh: 26 September 2011, tempat: Bilik Kuliah 205 JKJ.

Taklimat How to increase H-index? oleh Encik Nader Ale Ibrahim, tarikh: 28 September 2011, tempat: Bilik Persidangan.



Convocation Buffet High Tea for Graduating Postgraduate Students,  
tarikh: 1.10.2011, tempat: Boulevard Hotel, Mid Valley City.



Audit Pensijilan Semula SIRIM, MS:ISO  
900:2008, tarikh: 19 Oktober 2011, tempat:  
Bilik Persidangan.



Hari Derma Darah. tarikh: 19.9.2011,  
tempat: Bilik Seminar 3, Menara Kejuruteraan

Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan, tarikh: 31 Oktober  
2011, tempat: Bilik Seminar 3, Menara Kejuruteraan,

# *Aktiviti-aktiviti bulan September dan Oktober*

## Lawatan dari luar negara



Lawatan dari Bangladesh University of Engineering & Technology,  
tarikh: 15 September 2011, tempat: Bilik Persidangan.

Lawatan dari Mehran University, tarikh: 20 September 2011,  
tempat: Bilik Persidangan.



Lawatan dari Universiti Andalas, Indonesia, tarikh: 22 September 2011,  
tempat: Bilik Persidangan



Lawatan dari Ecole Polytechnique Federal De Lausanne, Switzerland,tarikh: 12 Oktober 2011, tempat: Bilik Persidangan.

Lawatan dari Perancis, tarikh 13 Oktober 2011, tempat:  
Bilik Persidangan.

## Konvokesyen 2011



Unit Pusat Pembangunan, Perkhidmatan & Teknologi Maklumat ,

Pejabat Timbalan Dekan (Pembangunan), Tingkat 2 , Menara Kejuruteraan

Tel:03 79675202 Faks:03 7967 7621 ,Laman web: <http://engine.um.edu.my>, Email: [engine@um.edu.my](mailto:engine@um.edu.my)